

Hadiah Kehidupan



Penerbitan
Kristian

Hadiah Kehidupan

Tajuk : Hadiah Kehidupan
Teks : Christopher Nambayan
Ilustrasi : Rembulan Giring

Cetakan Pertama: Ogos 2013

Dicetak di Sabah, Malaysia.

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hadiah Kehidupan adalah sebuah buku yang ditulis khas untuk mereka yang sedang mencari Tuhan, bukan Tuhan yang jauh dan tidak dapat dijangkau, tetapi Tuhan yang begitu peribadi, yang setia berjalan bersama umat-Nya.

Dalam perjalanan anda mencari Tuhan, ramai yang akan berkata kepada anda Yesus itu bukan Tuhan dan menunjukkan kepada anda jalan yang lain untuk mencari Tuhan. Kami berdoa semoga Roh Kudus akan terus memimpin anda, dan iman anda dalam Kristus akan terus dipelihara sehingga anda bersemuka dengan Tuhan suatu hari nanti.

Christopher Nambayan

Pendahuluan

Kekristianan bukanlah suatu agama seperti yang kebanyakan kita fahami. Tetapi ia adalah suatu perhubungan peribadi kita dengan TUHAN Sang Pencipta. Ia bukan sekadar suatu maklumat yang diisi dalam borang-borang permohonan rasmi, kertas jawapan peperiksaan atau apa-apa dokumen yang lain sahaja, tetapi ia adalah satu pengisyntiharan bahawa kita adalah anak-anak Tuhan yang mempunyai hubungan istimewa dengan-Nya.

Jadi, jika kita dilahirkan di dalam keluarga Kristian, di mana sejak beberapa generasi yang lalu nenek moyang kita adalah Kristian, ini tidak bermakna kita secara automatik mempunyai hubungan dengan Tuhan! Begitu juga anak-anak kita di suatu hari nanti. Mereka tidaklah secara automatik akan menjadi anak-anak Tuhan hanya kerana kita adalah orang Kristian. Semuanya adalah suatu pilihan yang kita harus buat secara peribadi.

TUHAN tidak mempunyai cucu-cicit. Dia hanya mempunyai anak-anak. Inilah yang membuat Andy, seorang remaja Kristian yang lahir dalam keluarga Kristian, tertanya-tanya apabila dia mendengar senikata sebuah lagu yang dinyanyikan oleh sekumpulan pelajar Kristian dalam suatu pertemuan Persekutuan Pelajar-pelajar Kristian di sekolahnya. Teman karibnya yang bernama Michael mengambil kesempatan itu untuk berkongsi dengannya.


Semoga penjelasan dari Michael ini juga akan membantu anda memahami apa ertinya menjadi seorang Kristian.

Tuhan memberkati anda!

“Ini bukan soal agama, ia adalah mengenai hubungan.” ~ R. Alan Woods (2006)

Tetapi jika kita hidup dalam cahaya, sebagaimana Allah ada dalam cahaya, maka kita hidup rukun dan darah Yesus, Anak-Nya, membersihkan kita daripada segala dosa. (1 Yohanes 1:7)

Dosaku t'lah dihapus, hanya oleh darah Yesus
Ku dapat hidup baru, hanya oleh darah Yesus
O darah yang kudus, darah-Nya Penebus
Jiwaku ditebus, hanya oleh darah Yesus



Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita. (Kisah Rasul-Rasul 4:12)

Saya tak fahamlah!

Mengapa orang Kristian mengatakan mereka dapat hidup baru hanya dengan darah Yesus? Apa yang istimewa dengan darah Yesus? Bukanakah semua agama itu sama?

Oh, itu adalah karya

penyelamatan Allah terhadap manusia. Semua agama mengajar kita yang baik, tetapi hanya Yesus Kristus sahaja yang yang menjanjikan keselamatan bagi manusia.

Keselamatan?


Sudah turun-temurun keluarga saya menjadi Kristian. Bukanakah itu sudah cukup?

Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi. Bumi belum berbentuk dan kosong; gelap gulita menutupi samudera raya, dan Roh Allah melayang-layang di atas permukaan air. (Kejadian 1:1-2)

Begitulah anggapan kebanyakan orang Kristian, termasuk diri saya, sebelum saya mendapat hadiah kehidupan itu dan membuat keputusan untuk menerima Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat saya.

Jadi, apakah karya penyelamatan Allah itu? Tolong jelaskan kepada saya!

Mari saya jelaskan...
Ini adalah satu cerita tentang sebuah hadiah kehidupan yang ditawarkan kepada semua manusia.....




Dengan demikian selesailah penciptaan seluruh alam semesta...Demikianlah riwayat penciptaan alam semesta. (Kejadian 2:1, 4a)

Pada mulanya, Allah mencipta alam semesta (Kejadian 1:1). Bumi belum mempunyai bentuk dan isi. Ia diliputi dengan kegelapan, dan Roh Allah bergerak di atas permukaan air (Kejadian 1:2). Berfirmanlah Allah, "Jadilah terang." Lalu jadilah terang. Dan terang itu pun dipisahkan daripada gelap (Kejadian 1:3,4).

Kemudian Allah mencipta segala isi di bumi (Kejadian 2:1). Dia menciptakan segalanya dengan hanya berfirman: segala yang ada di langit, darat dan laut; haiwan dan tumbuhan.

Kemudian TUHAN Allah mengambil sedikit tanah dan membentuk manusia, lalu menghembuskan nafas yang memberi hidup ke dalam lubang hidungnya; maka hiduplah manusia itu. (Kejadian 2:7)



Kemudian TUHAN Allah menyebabkan manusia itu tidur dengan nyenyak. TUHAN mengeluarkan satu tulang rusuk... Daripada tulang rusuk itu, Allah membentuk seorang perempuan... (Kejadian 2:21,22)

Allah juga menciptakan manusia daripada debu tanah. TUHAN Allah menghembuskan nafas hidup ke hidungnya; maka hiduplah manusia itu (Kejadian 2:7) dan namanya Adam.

Allah kemudian mengambil salah satu rusuk Adam untuk membentuk seorang perempuan bagi menemani dan menolongnya. Namanya Hawa (Kejadian 2:21,22).

Manusia sangat berharga di mata Allah, kerana mereka telah dicipta menyerupai gambaran-Nya (Kejadian 1:26,27).

Apa erti “dicipta
menyerupai gambaran-Nya”?

Bukankah Allah itu Roh (Yohanes 4:24)
dan roh tidak boleh dilihat?



Kemudian Allah berfirman, "Sekarang Kita akan mencipta manusia yang akan menjadi seperti Kita dan menyerupai Kita. Mereka akan menguasai semua ikan, burung, serta bintang lain." (Kejadian 1:26)



Betul. Allah itu Roh dan tidak mempunyai tubuh dan tulang. Tetapi bahagian manusia yang menyerupai Allah adalah jiwa dan roh kita.

Dia mencipta kita dengan fikiran, iaitu dengan kebolehan untuk mengenali Allah dan berhubung dengan-Nya.

Tetapi fikiran manusia tidak setanding fikiran Allah yang Maha Tahu dan Maha Bijak.


Allah juga merasa perasaan kasih, sedih, gembira dan marah. Walaupun Allah penuh dengan belas kasihan, tetapi Dia juga berasa murka terhadap perbuatan yang tidak adil.

Kerana Allah mempunyai perasaan, Dia ingin manusia mempunyai perasaan supaya manusia dapat merasai kasih Allah.

Melalui perhubungannya dengan Allah, manusia mengetahui yang Penciptanya penuh dengan kasih, berbelas kasihan dan Maha Bijak lalu dia ingin mengikut kehendak Allah, bukan kehendaknya sendiri.

Di dalam Alkitab tertulis, “Siapakah yang mengetahui fikiran Tuhan? Siapakah yang dapat menasihati Dia?” Tetapi kita mempunyai fikiran Kristus! (I Korintus 2:16)


Allah tidak mencipta manusia seperti robot. Tetapi Dia mencipta manusia dengan kebebasan bertindak atau mengikut kehendak sendiri. Jadi manusia boleh memilih mengikut dan melayani Allah kerana dia hendak berbuat demikian, bukan kerana dia tidak ada pilihan lain atau dipaksa berbuat demikian.



Hmmm..... OK....

Saya memang manusia yang boleh
berfikir, mempunyai perasaan, dan
mampu membuat keputusan.
Bukan seperti robot.

Jalan yang menuju kehidupan Engkau tunjukkan kepadaku; hadirat-Mu menggembirakan aku, dan sentiasa membahagikan aku. (Mazmur 16:11)




Kerana manusia dicipta mengikut gambaran-Nya, maka manusia boleh mempunyai perhubungan yang rapat dengan Allah. Melalui perhubungan rapat itu manusia mengetahui kehendak Allah dan boleh melakukan seturut kehendak-Nya. Maka mereka boleh menjadi wakil Allah dan melakukan tugas-Nya di dunia ini. Mereka bukan sahaja ditugaskan untuk mengurus dan menakluk semua makhluk di dunia, tetapi juga untuk mengusaha dan memelihara ciptaan Allah.

Melalui pimpinan Allah dan mengikut kehendak-Nya, manusia akan menjaga dunia ini dengan baik. Dari situ semua makhluk dapat melihat rupa Allah yang dicerminkan oleh manusia, lalu memuji dan memuliakan Allah.

Di dalam Alkitab tertulis, "Adam, manusia pertama itu diciptakan sebagai makhluk hidup," tetapi Adam yang terakhir itu Roh yang memberikan hidup. (1 Korintus 15:45)

Manusia dicipta untuk memuliakan Allah (Yesaya 43:7) dan untuk menikmati kegirangan, atau bersukacita, dalam hadirat Allah untuk selama-lamanya (Filipi 4:4; Mazmur 16:11).

Sebagai manusia yang pertama, Adam adalah kepala atau wakil umat manusia. Setiap manusia berasal daripadanya kerana Hawa pun datang daripadanya. Adam adalah nenek-moyang setiap manusia. Boleh dikatakan bahawa pada permulaan ciptaan dunia setiap manusia adalah seperti berada 'di dalam' Adam, iaitu kami seperti benih di dalamnya.



Tanpa Adam setiap manusia tidak akan wujud. Adam adalah nenek-moyang semua manusia, tidak kira suku, bangsa, kaum, atau negara.

Allah memandang semua yang sudah dijadikan-Nya dan Dia sangat berpuas hati. (Kejadian 1:31)



Semua yang dicipta oleh Allah adalah baik dan sempurna (Kejadian 1:31). Allah menempatkan Adam dan Hawa di Taman Eden dan mereka tidak kekurangan apa-apa (Kejadian 2:8, 15). Tetapi yang terindah adalah hubungan yang karib dengan TUHAN Allah sendiri.

Ular itu menjawab, "itu tidak benar; kamu tidak akan mati. Allah mengetahui jika kamu makan buah itu, fikiranmu akan terbuka; kamu akan menjadi seperti Allah, tahu apa yang baik & yang jahat." (Kej 3:4-5)



Pada suatu hari, Iblis yang menjelma dalam bentuk seekor ular datang menggoda Adam dan Hawa. (Kejadian 3:1-7). Mereka memakan buah dari pokok pengetahuan tentang baik dan jahat yang dilarang oleh Allah (Kejadian 2:16,17).

Sebaik sahaja mereka makan buah itu, fikiran mereka terbuka dan mereka sedar bahawa mereka bertelanjang. Lalu mereka merangkaikan daun ara untuk menutupi tubuh mereka. Adam dan Hawa merasa takut dan malu kerana kesalahan mereka itu adalah satu dosa di hadapan Allah (Kejadian 3:8-12).


Kemudian TUHAN Allah membuat pakaian daripada kulit binatang untuk Adam dan isterinya, lalu mengenakan pakaian itu pada mereka. (Kejadian 3:21)



Tetapi oleh kerana rahmat-Nya, TUHAN Allah membuat pakaian daripada kulit binatang untuk Adam dan isterinya, lalu mengenakan pakaian itu pada mereka (Kejadian 3:21). Secara jasmani Dia menutup dosa mereka. Tetapi dosa itu tetap ada pada mereka secara rohani. Kehidupan mereka mula penuh dengan penderitaan, terutama sekali dengan masalah putusnya hubungan mereka dengan Allah.

Maka TUHAN Allah mengusir manusia itu keluar dari Taman Eden dan menyuruhnya mengusahakan tanah, yang daripadanya manusia dibentuk (Kejadian 3:23).

Mereka diusir keluar dari taman Eden kerana dosa mereka (Kejadian 3:23,24). Semenjak itu, kejahatan dan dosa mula muncul di dunia.




“Upah dosa adalah kematian” (Rom 6:23). Itulah hukum Allah. Allah telah mengatakan bahawa mereka akan mati kalau makan buah larangan. Dan ini pun terjadi. Tetapi apakah maksud “mati” itu?

Mereka tidak jatuh mati dengan serta-merta selepas memakan buah itu. Tetapi dosa mereka memisahkan mereka daripada Allah (Yesaya 59:2b). Badan manusia mula merosot, menjadi tua dan mati secara jasmani. Mereka juga mati secara rohani. Mereka tidak lagi mengenali, mengasihi dan mengikut kehendak Allah. Mereka juga akan ke lautan api.

Allah memang mengasihi Adam dan Hawa tetapi Allah juga kudus dan adil. Oleh kerana itu, mereka yang mengingkari perintah-Nya tidak dapat meneruskan perhubungan dengan Allah.



Dari zaman Adam maut menguasai segenap umat manusia, termasuk orang yang tidak berbuat dosa seperti yang dilakukan oleh Adam kerika dia melanggar perintah Allah. (Roma 5:14)



Oleh kerana Adam adalah kepala atau wakil umat manusia, apabila dia berdosa ia seolah-olah semua manusia (keturunan Adam) telah berdosa.

"Dosa masuk ke dalam dunia melalui satu orang, dan dosa orang itu membawa kematian. Akibatnya maut menjangkiti segenap umat manusia, kerana semua orang berdosa." (Roma 5:12). Semua manusia bukan sahaja mewarisi kesalahan Adam tetapi juga dikuasai oleh dosa.

Semua orang sudah berdosa dan jauh dari pada Allah yang menyelamatkan mereka. (Roma 3:23)



Akibat daripada dosa Adam, kini setiap manusia akan menghadapi sengsara kematian. Mereka tidak lagi menjadi anak-anak Allah tetapi menjadi anak-anak Iblis. Iblis menjadi penguasa dunia ini. “Kamu mentaati penguasa roh-roh jahat di angkasa, iaitu roh yang sekarang menguasai orang yang tidak taat kepada Allah.” (Efesus 2:2b)

Sebab setiap imam besar, yang dipilih dari antara manusia, ditetapkan bagi manusia dalam hubungan mereka dengan Allah, supaya ia mempersesembahkan persembahan dan korban kerana dosa. (Ibrani 5:1)



Sejak itu, manusia menjadi insaf bahawa mereka perlu melakukan sesuatu untuk memulihkan martabatnya sebagai yang dicipta menurut gambaran Allah, kerana mereka telah terpisah dari Allah.


Banyak agama yang mengajar bahawa setiap orang mesti melakukan perbuatan-perbuatan baik untuk diterima oleh Tuhan. Ada yang percaya seseorang hanya boleh diterima oleh Tuhan kalau perbuatan-perbuatan baiknya melebihi perbuatan-perbuatan jahatnya. Sebab itulah mereka berbuat amal, berbuat baik, rajin sembahyang, ke gereja, ke tokong, atau mempersesembahkan pelbagai bentuk korban.

Tetapi ini tidak diajarkan dalam Alkitab. Tuhan Pencipta yang disembah oleh orang Kristian tidak sama langsung dengan yang disembah oleh agama-agama lain. Alkitab mengajar bahawa Allah yang kudus tidak akan menerima seseorang kalau orang itu telah melakukan walaupun hanya satu perbuatan jahat.

“Sesiapa yang melanggar salah satu perintah Taurat, melanggar seluruh Taurat.”(Yakobus 2:10)

Dua orang anak Adam yang bernama Kain dan Habel juga mempersembahkan korban untuk memperbaiki hubungan mereka dengan Allah. Kain mempersembahkan hasil tuiannya, Habel dengan anak domba sulungnya (Kejadian 4:3-4). Isi kalbu mereka merindukan adanya hubungan yang akrab dengan Allah.






Bau harum korban itu menyenangkan hati TUHAN, lalu TUHAN berfirman di dalam hati, “Aku tidak lagi mengutuk bumi kerana perbuatan manusia...” (Kejadian 8:21a)

Tetapi dunia terus penuh dengan kejahatan. Allah memandang bumi yang telah diciptakan-Nya dan melihat hampir semua manusia sudah berhenti mengasihi-Nya. Semua yang mereka fikirkan dan rancangkan adalah jahat. Semua orang, kecuali Nuh dan keluarganya (Kejadian 6:5-8). Lalu Allah menyuruh Nuh untuk membina sebuah bahtera. Allah menurunkan hujan dan menyebabkan bumi ditenggelami banjir. Semua manusia dan ciptaan Allah musnah kecuali Nuh dan keluarganya, serta sepasang bagi setiap jenis haiwan (Kejadian 7).

Apabila banjir telah surut dan mereka keluar dari bahtera, mereka mendirikan mazbah untuk menyembah dan bersyukur kepada Allah. Lalu Allah meletakkan satu pelangi di langit dan membuat satu perjanjian, “Aku akan memberkati mu. Beranak-cuculah. Pelangi menjadi tanda perjanjian-Ku dengan dunia bahawa dunia tidak akan dibinasakan oleh banjir lagi.” (Kejadian 8:20-9:17)

Kerana beriman, Abraham mentaati Allah ketika Allah memanggilnya dan menyuruhnya pergi ke negeri yang dijanjikan oleh Allah kepadanya. (Ibrani 11:8a)



Selepas banjir itu, Allah memberkati Nuh dan anak-anaknya sehingga keturunan mereka mendiami seluruh bumi (Kejadian 9:1).

Apabila manusia sudah bertambah banyak, mereka pun mula bergerak ke sebelah timur dan tiba serta menetap di sebuah dataran di Babilonia. Pada masa itu, manusia hanya bertutur dalam satu bahasa (Kejadian 11:1-3).

Mereka mula membina kota Babel dengan sebuah menara yang puncaknya sampai ke langit, supaya mereka menjadi masyhur. Tetapi TUHAN mengacau bahasa manusia dan mencerai-beraikan mereka ke seluruh bumi. Dari situ, manusia menjadi pelbagai bangsa, suku dan bahasa. (Kejadian 11:4-9).

Daripada semua keturunan manusia, Allah telah memilih dan memanggil Abraham. Allah berjanji, “Aku akan memberi engkau keturunan yang banyak dan mereka akan menjadi satu bangsa yang besar. Aku akan memberkati engkau dan menjadikan namamu termasyhur, sehingga engkau menjadi berkat bagi bangsa-bangsa.” (Kejadian 12:2)

Kerana iman, Abraham mempersembahkan anaknya, Ishak, sebagai korban, kerika Allah mengujinya. ... Abraham bersedia mempersembahkan anaknya yang tunggal sebagai korban. (Ibrani 11:17)



Iman Abraham diuji oleh Allah apabila dia diminta untuk mempersembahkan anaknya sebagai korban kepada Allah. Tetapi Allah telah menyediakan seekor kambing sebagai pengganti anaknya (Kejadian 22).

Semua keturunan Abraham menganggap korban yang disediakan oleh Allah sendiri itu adalah satu korban yang agung. Manusia menanti-nantikan korban yang sempurna itu.

Jika seseorang melakukam apa yang diwajibkan oleh Taurat, hal itu tidak bererti dia berbaik semula dengan Allah. Sebaliknya Taurat hanya menunjukkan manusia bahawa mereka berdosa. (Roma 3:20)



Allah memberikan Sepuluh Hukum kepada Musa, salah satu keturunan Abraham. Ramai orang Kristian yang keliru tentang tujuan Sepuluh Hukum. Ada yang menganggap kalau mereka taat kepada Sepuluh Hukum, mereka akan diterima Allah.

Sebenarnya Sepuluh Hukum hanyalah satu petunjuk bagaimana umat Allah harus hidup, supaya umat manusia mengetahui apakah sebenarnya dosa dan mengetahui betapa berdosanya setiap manusia (Roma 7:7). Ia juga untuk menunjukkan kepada manusia tentang keperluan mereka untuk Yesus, korban agung yang disediakan oleh Allah untuk menebus dosa manusia.

Tetapi dengan jalan demikian Allah telah menggenapi apa yang telah difirmankan-Nya dahulu dengan perantaraan nabi-nabi-Nya, iaitu bahawa Mesias yang diilus-Nya harus menderita. (Kis 3:18)

Melalui Taurat Musa, Allah telah menetapkan korban yang layak adalah korban yang tidak ada cacat cela, kudus dan berharga. Haiwan yang dikorbankan itu merupakan pengganti atas hukuman yang selayaknya mereka terima. Musa telah mempersebahkan korban seperti yang dituntut oleh Kitab Taurat. Begitu juga dengan Daud, Solomo dan umat Allah yang lain.




Melalui nabi-nabi-Nya, Allah memberitahu umat manusia Dia akan menghantar seorang Penyelamat untuk menebus dosa-dosa kita, agar kita tidak lagi menghadapi kematian. Kita akan mempunyai ‘hidup yang kekal’, iaitu roh kita akan hidup semula dengan Allah seperti dalam Penciptaan di mana manusia hidup bersama dengan TUHAN Allah.

Allah sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak ketinggalan hidup yang kekal. (Yoh 3:16)

Dosa Kematian Putus Asa


Allah Kehidupan Pengharapan



Dalam rahmat-Nya, Allah telah menghantar dan mengorbankan Anak-Nya yang tunggal untuk menjangkau manusia (Yohanes 3:16). Yesuslah korban yang agung dan sempurna itu. Dia adalah satu-satunya jalan untuk membawa manusia kembali kepada Allah (Yohanes 14:6).

Bagaimana kita tahu itu
adalah rancangan Allah
untuk umat manusia?

Seorang anak telah dilahirkan bagi kita! Seorang anak lelaki telah dianugerahkan kepada kita! ... Dia akan disebut "Penasihat Bijaksana," "Allah Perkasa," "Bapa Kekal," "Raja Damai." (Yesaya 9:6)




Penyelamat itu telah datang sebagai manusia dan dilahirkan di Betlehem melalui seorang anak dara bernama Maria. Domba pilihan Allah itu telah dikandung oleh kehendak Roh Allah, bukan keturunan manusia biasa atau hasil persetubuhan manusia. Dia adalah seorang yang sempurna, tanpa dosa dari keturunan manusia.

“Akulah suara orang yang berseru-seru di padang gurun: Luruskanlah jalan Tuhan! Lihatlah Anak Domba Allah yang menghapus dosa dunia!” (Yohanes 1:23, 29)



Yohanes Pembaptis menyampaikan sabda Allah agar manusia bertaubat dari dosa. Apabila dia melihat Yesus, dia berkata, “Lihatlah Anak Domba Allah yang menghapus dosa dunia!” (Yohanes 1:29). Pemberitaan itu merupakan ketentuan dan anugerah dari Allah yang menyediakan korban bagi manusia yang berdosa.

Dia berkata, "Masanya sudah tiba; tidak lama lagi Allah akan memerintah. Bertaubatlah daripada dosa kamu dan percayalah kepada Berita Baik ini!" (Markus 1:15)




Yesus mengajar orang ramai tentang kerajaan Allah. Dia menyeru semua manusia untuk bertaubat dari dosa mereka. Yesus memberitahu mereka sesuatu yang sangat penting. Dia berkata, "Akulah jalan, kebenaran dan hidup! Tidak ada seorang pun yang dapat datang kepada Bapa kalau tidak melalui Aku." (Yohanes 14:6)

Anak Manusia berkuasa mengampuni dosa, berkatalah Dia kepada orang lumpuh itu "Aku berkata kepadamu, bangunlah, angkatlah tikkarmu, dan pulanglah!" (Lukas 5:24)

Bagaimana kita tahu Yesus adalah Tuhan dan Penyelamat yang berkuasa?

Yesus mempunyai kuasa atas penyakit dan kematian. Dia menyembuhkan orang-orang yang dibawa kepada-Nya yang menderita bermacam-macam penyakit.

Yesus mempunyai kuasa atas roh-roh jahat.




Yesus mempunyai kuasa atas alam dan semua ciptaan. Angin dan ombak juga taat kepada-Nya. (Lukas 8:22-25)

Yesus mengampuni dosa dan melakukan berbagai-macam mukjizat.

Kristus mati sekali sahaja dan untuk selama-lamanya, supaya dosa kita diampunkan. Dia tidak bersalah tetapi mati untuk orang yang bersalah, supaya Dia boleh memimpin kamu kepada Allah. (1 Petrus 3:18)

Yesus tidak melakukan apa-apa kesalahan dan Dia tidak pernah berdosa. Tetapi Dia telah dituduh oleh orang yang dihasut Iblis dan dihukum mati di kayu salib. Dia menjadi korban bagi dosa manusia sesuai dengan rancangan Allah untuk menjadi “jalan perdamaian dan pengampunan” bagi umat manusia.



“Kristus sendiri memikul dosa kita pada tubuh-Nya di kayu salib, supaya kita bebas daripada kuasa dosa, lalu hidup menurut kehendak Allah. Luka-luka Kristuslah yang menyembuhkan kamu.” (1 Pet 2:24)

Tetapi oleh Dia kamu berada dalam Kristus Yesus, yang oleh Allah telah menjadi hikmat bagi kita. Ia membentarkan dan mengeluskan dan menebus kita. (1 Korintius 1:30)

Inilah rancangan Allah untuk menebus manusia melalui kepercayaan kepada Yesus Kristus yang suci dan sempurna.




Yesuslah satu-satunya manusia yang boleh diterima Allah kerana Dia tidak mewarisi dosa Adam dan juga tidak pernah melanggar sebarang perintah atau arahan Allah.



Oleh sebab kematian-Nya itu, Dia sekarang menjadi Gembala Agung kita, domba-domba-Nya. Kematian-Nya juga mengesahkan perjanjian kekal yang dibuat oleh Allah dengan kita.(Ibrani 13:20)


Pengorbanan dan penderitaan Yesus itu adalah bukti dari kasih Allah yang dianugerahkan kepada kita, manusia yang tidak mempunyai pengharapan. Renungkan betapa besarnya kasih Allah bagi kita!



“Tetapi Allah telah menunjukkan betapa besarnya kasih-Nya kepada kita, kerana Kristus mati bagi kita semasa kita masih berdosa.” (Roma 5:8)

Mengapakah kamu mencari orang hidup antara orang mati? Dia tidak ada di sini; Dia sudah bangkit!
(Lukas 24: 5b, 6a)


Sebagaimana lazimnya seseorang yang meninggal dunia harus dikuburkan, demikian juga Yesus dikuburkan. Tetapi Dia tidak tinggal lama di liang lahat. Kematian tidak dapat berkuasa ke atas-Nya. Pada hari ketiga, Yesus hidup kembali.



Peristiwa ini membawa harapan kepada semua yang beroleh “hidup yang kekal”. Ini juga membuktikan bahawa Yesus Kristus Maha Kuasa yang boleh menyelamatkan manusia daripada kutukan dosa.

Setelah Yesus berkata demikian, Dia diangkat ke syurga, sementara mereka memandang Dia. Lalu awan menutupi Dia daripada pandangan mereka. (Kis 1:9)


Dia hidup selama-lamanya!



Setelah Yesus bangkit dari kematian, Dia berada di bumi selama 40 hari. Kemudian Yesus pun naik ke Syurga untuk menyediakan segala yang kekal bagi orang-orang yang percaya kepada-Nya.

Apabila seseorang bersatu dengan Kristus, orang itu menjadi manusia baru. Yang lama sudah lenyap dan yang baru bermula. (2 Korintus 5:17)

Anda mungkin tertanya-tanya bagaimana kita dapat diterima Allah hanya dengan percaya kepada Yesus? Jawapannya ialah dengan menjadikan Yesus sebagai kepala atau wakil umat manusia baru.



Sebagaimana semua orang mati kerana tergolong satu dengan Adam, begitu juga semua orang akan dihidupkan semula kerana tergolong satu dengan Kristus. (1 Korintus 15:22)

Dengan Adam sebagai kepala dan wakil umat manusia, keseluruhan umat manusia mewarisi dosa kesalahannya dan dikuasai oleh dosa. Keseluruhan umat manusia ditolak oleh Allah. Yesus datang ke dunia ini untuk menjadi kepala atau wakil umat manusia baru. Yesus datang untuk mencipta umat manusia baru.


“Adam yang pertama dijadikan daripada tanah di bumi, tetapi Adam yang kedua berasal dari syurga” (1Korintus 15:47)

“Dosa masuk ke dalam dunia melalui satu orang, dan dosa orang itu membawa kematian. Akibatnya maut menjangkiti segenap umat manusia, kerana semua orang berdosa. Dosa sudah ada di dalam dunia sebelum Taurat diberikan. Tetapi jika tidak ada hukum, dosa tidak diperhitungkan. Sungguhpun demikian, dari zaman Adam sampai kepada zaman Musa, maut menguasai segenap umat manusia, termasuk orang yang tidak berbuat dosa seperti yang dilakukan oleh Adam ketika dia melanggar perintah Allah. Adam itu gambaran daripada Dia yang akan datang kemudian.”
(Roma 5:12-14)

"Percayalah kepada Tuhan Yesus, lalu kamu akan diselamatkan -- kamu dan keluargamu!"
(Kis 16:31)


Bukan semua umat manusia yang akan mendapat Yesus sebagai kepala atau wakil mereka. Tetapi hanya mereka yang percaya kepada Yesus dan karya penyelamatan-Nya, menerima Yesus sebagai kepala atau wakil mereka, dan menjadikan Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat mereka.

Seperti mana umat manusia yang mempunyai Adam sebagai kepala mereka ditolak oleh Allah, maka umat manusia yang mempunyai Yesus sebagai kepala mereka akan diterima oleh Allah.



Yesus berkata Dia akan kembali ke dunia ini. Sesiapa yang percaya kepada-Nya akan memiliki syurga. Mereka yang menolaknya tidak mampu memecahkan hukuman dosa dan maut. Mereka akan kehilangan tempat di syurga dan hukuman yang terakhir ialah dilemparkan ke dalam api neraka.

Tetapi semua orang yang menerima-Nya diberi-Nya kuasa supaya menjadi anak-anak Allah, yaitu mereka yang percaya dalam nama-Nya; (Yohanes 1:12)



Allah adalah kebenaran dan adil. Dia tidak menginginkan ada orang yang binasa (masuk neraka). Tetapi hati manusia sangat keras dan ingin beroleh hak kebebasan pilihan mutlak. Mereka lebih memilih untuk tidak percaya kepada Yesus. Mereka mencari jalan penyebusan yang lain seperti banyak beramal, menolong orang miskin, mengadakan upacara-upacara pengampunan dosa dengan perantaraan pawang, dan sebagainya. Akibatnya, mereka mengalami ‘kematian yang kekal’ (kematian dari segi rohani) kerana manusia tidak dapat menyelamatkan diri mereka sendiri.

Engkau sudah menuju ke hidup sejati, dan aku bersukacita kerana Engkau menyentai aku. (Kis 2:28)

Yesus sanggup mengorbankan diri-Nya tanpa mengenakan sebarang syarat. Darah-Nya yang suci itulah yang menghapus dosa manusia. Penebusan-Nya adalah melalui kasih rahmat-Nya.

Jadi, jalan manakah yang anda akan pilih? Adakah anda akan memilih kehidupan yang kekal atau kematian?



Sesiapa yang bertelinga, hendaklah dia mendengarkan apa yang dikatakan Yesus, "Akulah pintu. Sesiapa yang masuk melalui Aku akan diselamatkan" (Yohanes 10:9)



"Dengarlah! Aku berdiri di depan pintu dan mengetuk. Jika seseorang mendengar suara-Ku dan membuka pintu, Aku akan masuk ke dalam rumahnya lalu makan bersama-sama dia dan dia makan bersama-sama Aku." (Wahyu 3:20)

Aku akan menanamkan hukum-Ku di dalam hati mereka, dan menulisnya di dalam fikiran mereka...
Aku akan melupakan segala dosa dan kejahatan mereka. (Ibrani 10:16,17)

Allah mempersembahkan Yesus Kristus sebagai korban supaya dengan kematian Yesus, dosa orang diampunkan apabila mereka percaya kepada-Nya. (Roma 3:25)

Ku lihat pengampunan, hanya oleh darah Yesus
Hatiku disucikan, hanya oleh darah Yesus
O darah yang kudus, darah-Nya Penebus
Jiwaku ditebus, hanya oleh darah Yesus



Sebab jika kamu mengaku dengan mulutmu, bahwa Yesus adalah Tuhan, dan percaya dalam hatimu, Allah telah membangkitkan Dia dari antara orang mati, maka kamu akan diselamatkan. (Roma 10:9)


Itulah erti mendapat kehidupan yang baru, pengampunan dosa dan hati kita disucikan oleh darah Yesus.

Sekarang saya sudah faham. Hadiyah kehidupan itu ialah Tuhan Yesus Kristus. Dan sebagai ciptaan Allah, saya adalah istimewa dan saya telah diberi kemampuan untuk membuat pilihan!

Benar. Alkitab mengatakan “Jika kamu mengaku di hadapan orang bahawa “Yesus itu Tuhan” dan kamu sungguh-sungguh percaya bahawa Allah sudah membangkitkan Yesus daripada kematian, kamu akan diselamatkan.”

(Roma 10:9)

Memang dahulu kamu adalah kegelapan, tetapi sekarang kamu adalah terang di dalam Tuhan.
Sebab itu hiduplah sebagai anak-anak terang, (Efesus 5:8)



Itu adalah langkah pertama
untuk mendapatkan hadiah kehidupan.
Itulah sebabnya kita tidak menumpang
keyakinan orang lain, tetapi kita sendiri
membuat keputusan untuk menjadi
anak Tuhan.

Aku sudah mendengarkan engkau, dan pada hari penyelamatan, Aku sudah menolong engkau. Ketahuilah bahawa sekaranglah masa yang diperkenankan Allah, dan sekaranglah hari kamu diselamatkan! (2 Kor 6:2)

Jika anda ingin menerima hadiah kehidupan dan memperolehi hidup yang baru, pengampunan dosa dan hidup anda disucikan di hadapan Allah, berdoalah untuk menerima Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat anda:

“Allah Bapa yang berada di syurga, saya berterima kasih kerana kasih-Mu kepada saya dengan menghantar Tuhan Yesus Kristus untuk menebus dosa saya melalui kematian-Nya di kayu salib.

Mulai saat ini, saya bertaubat dari dosa saya dan meminta ampun dari Tuhan. Saya percaya Yesus Kristus telah mati dan pada hari ketiga bangkit semula dari kematian, naik ke syurga dan kini duduk di sebelah kanan Allah Bapa Yang Maha Kudus. Saya percaya sesiapa yang menerima-Nya dan percaya pada nama-Nya, akan diberikan kuasa untuk menjadi anak Tuhan.

Saya membuka pintu hati saya untuk menerima Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat saya untuk seumur hidup.

Saya berdoa supaya Tuhan menghantar Roh Kudus untuk memperbaharui jiwa saya, agar saya mempunyai kehidupan yang berkelimpahan di bumi dan kehidupan kekal di syurga. Terima kasih Tuhan dan dalam nama Yesus Kristus saya berdoa. Amin!”

Selepas anda menerima
Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat anda,
ia tidak berhenti di sana sahaja. Anda
perlu bertumbuh dalam Tuhan. Berdoalah
kepada Tuhan. Bercakap-cakaplah
dengan Dia. Baca Alkitab.

Anda juga harus bersekutu
dengan orang Kristian yang lain.
Ikuti kebaktian di gereja, kelompok-kelompok
sel atau persekutuan Kristian di sekolah anda.
Ingatlah, anda harus bertumbuh!
Tuhan berkat i anda.